




# **ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN SUB-KOMPONEN INOVASI DALAM PERKHIDMATAN**

**Peneraju : Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)**



# KANDUNGAN TAKLIMAT

-  Definisi Inovasi
-  Objektif
-  Kategori
-  Syarat Penyertaan
-  Kriteria Inovasi
-  Prosedur Penilaian
-  Panduan Permohonan
-  Panduan Pembentangan
-  Pembahagian Markah
-  Nilai Hadiah
-  Tarikh Penting



# ANUGERAH/HADIAH HARI KUALITI & INOVASI PERKHIDMATAN (HKIP)

Bil.	Nama Hadiah/Anugerah yang dipertandingkan	Tahun							
		2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2022
1.	<b>Hadiah Mencipta Tema HKIP UPM</b> [Pertukaran nama Anugerah Mencipta Tema HKIP kepada Hadiah Mencipta Tema HKIP pada tahun 2016]	-	-	✓	✓	✓	✓	✓	✓
2.	<b>Hadiah Idea Inovasi</b> [Pertukaran nama Anugerah Idea Inovasi kepada Hadiah Idea Inovasi pada tahun 2016]	-	-	✓	✓	✓	✓	✓	✓
3.	<b>Anugerah Sudut Bacaan READ@UNI UPM</b> [Diperkenalkan tahun 2019 bagi Kategori Hadiah]	-	-	-	-	-	-	✓	✓
4.	<b>Anugerah Pengurusan Lean</b>	-	-	✓	✓	✓	✓	✓	✓
5.	<b>Anugerah Kualiti Persekutuan Tempat Kerja</b> [Pertukaran nama Anugerah Pelaksanaan Amalan 5S kepada Anugerah Kualiti Persekutuan Tempat kerja pada tahun 2017]	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
6.	<b>Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (RK)</b>	-	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
7.	<b>Anugerah Inovasi Perkhidmatan</b>	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
8.	<b>Anugerah Pengurusan Laman Web</b>	-	-	-	-	✓	✓	✓	✓
9.	<b>Anugerah Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan</b>	-	-	-	-	✓	✓	✓	✓
10.	<b>Anugerah Indeks Akauntabiliti</b>	-	-	-	-	✓	✓	✓	✓
11.	<b>Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran</b> [Menjadi anugerah utama pada tahun 2017]	-	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
12.	<b>Anugerah Pengurusan Aset</b> [Anugerah ini telah dimansuhkan mulai tahun 2015. Pengurusan aset telah dimasukkan sebagai salah satu komponen penilaian dalam Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran mulai tahun 2015]	✓	✓	-	-	-	-	-	-
13.	<b>Anugerah Khidmat Pelanggan</b> [Anugerah ini telah dimansuhkan mulai tahun 2014. Kepuasan Pelanggan telah dimasukkan sebagai salah satu komponen penilaian dalam Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran mulai tahun 2014]	✓	-	-	-	-	-	-	-
14.	<b>Anugerah Mutiara Kualiti dan Inovasi Naib Canselor</b>	-	-	-	-	✓	✓	✓	✓
	<b>Bilangan Hadiah/Anugerah</b>	4	5	7	7	10	11	12	12



# DEFINISI INOVASI

Inovasi adalah hasil cetusan **idea-idea yang kreatif** dalam mana-mana aspek kerja yang dapat **meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi**. Hasil inovasi yang berupa produk atau servis boleh merangkumi apa-apa perubahan dan penambahbaikan kepada sistem, prosedur, kaedah dan/atau cara bekerja.

Rujukan:

PKPA Bil. 1 Tahun 2006 - Garis Panduan bagi Melaksanakan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam

# APA ITU INOVASI?



KREATIVITI  
(idea)

+

TINDAKAN

=

INOVASI

# OBJEKTIF



Memberikan **pengiktirafan** secara formal kepada PTJ yang telah menunjukkan hasil inovasi

Memupuk dan menyemarakkan **budaya kreatif dan inovatif** dalam cara bekerja untuk diamalkan di PTJ

Mengenalpasti dan memperkenalkan hasil-hasil inovasi yang **boleh dicontohi untuk faedah PTJ lain**

Menyumbang kepada **peningkatan kualiti** penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan

# KATEGORI

Pengurusan

Teknikal



# KATEGORI TEKNIKAL

- Projek-projek yang menggunakan bidang pengetahuan yang tertentu seperti kejuruteraan, seni perusahaan (*industrial arts*) dan sains gunaan (*applied sciences*).
- Masalah yang dikenal pasti dan yang telah diselesaikan oleh kumpulan adalah masalah yang berhubung kait dengan bidang yang dinyatakan.
- Cadangan penyelesaian yang dikemukakan dan dilaksanakan juga adalah dalam bidang yang sama.
- Contoh projek teknikal :
  - penciptaan peralatan baru;
  - pengubahsuaian rekabentuk peralatan lama kepada yang baru;
  - pembangunan sistem komputer;
  - perubahan dalam penggunaan bahan atau komponen kimia;
  - pewujudan kaedah teknikal baru.



# KATEGORI PENGURUSAN

- Projek-projek yang berkaitan dengan penyelesaian masalah-masalah pentadbiran atau pengurusan sistem dan prosedur kerja.
- Contoh projek pengurusan:
  - penggabungan borang permohonan;
  - pengenalan borang baru;
  - pelaksanaan prosedur kerja baru;
  - pengenalan sistem kerja yang baru atau pengubahsuaian sistem lama kepada yang baru yang boleh menjimatkan masa dan kos operasi;
  - meningkatkan produktiviti atau hasil kerja;
  - meningkatkan tahap kepuasan hati pelanggan; dan
  - meningkatkan penyampaian perkhidmatan serta faedah lain.

# SYARAT PENYERTAAN

1. Inovasi hendaklah **hasil idea** yang dicetuskan oleh staf/kumpulan staf Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Universiti Putra Malaysia;
2. Penyertaan hendaklah **melalui Ketua PTJ**;
3. Inovasi yang dihasilkan hendaklah memberi **faedah yang jelas dari segi penyelesaian masalah, peningkatan kualiti dan produktiviti** sesebuah organisasi; dan
4. Setiap PTJ boleh mencalonkan **maksimum tiga (3) hasil** inovasi.




# SYARAT PENYERTAAN

## Penyertaan Yang Tidak Layak

- Inovasi daripada **hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D)** yang tiada kaitan dengan peningkatan kualiti dan produktiviti organisasi;
- Inovasi untuk **tujuan komersial**;
- Inovasi yang **belum digunakan/diaplikasi pada tahun dinilai**; atau
- Inovasi yang **sudah tidak digunakan/diaplikasi pada tahun dinilai**.

# KRITERIA INOVASI



## 1 IDEA (dicetuskan bagi menghasilkan inovasi)

- **Kreativiti – inovasi memenuhi ciri-ciri keaslian dan adaptasi**
- Idea yang asli
- Adaptasi daripada penambahbaikan atau pengubahsuaian idea sedia ada
- Unik/pendekatan di luar kotak
- Melangkaui ekspektasi
- Mempermudahkan



## 2

## HASIL INOVASI (*OUTPUT*)

Tahap  
Pelaksanaan

- Secara penuh (melepas peringkat percubaan); atau
- Secara percubaan (di peringkat prototaip)

Boleh  
Digunakan  
(*Replicability*)

- Dilaksanakan secara terus di pelbagai tempat; dan
- Dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keperluan tanpa melibatkan kos yang tinggi.



3

**IMPAK  
(outcome)**

## Efisien

- Penjimatan masa
- Penjimatan kos
- Peningkatan produktiviti
- Mudah digunakan (*user-friendly*)

## Signifikan

- Inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri signifikan dan memberi impak kepada keberkesanan dan kecekapan
- Penjimatan kos/sumber/ *value for money*

# PROSEDUR PENILAIAN

- 1) Proses **tapisan awal** oleh pihak urus setia bagi memastikan PTJ memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan dan kecukupan dokumen. Proses ini melibatkan aktiviti saringan oleh Jawatankuasa Panel Penilai yang dilantik oleh Urus Setia.
- 2) Proses **penilaian keseluruhan** oleh Panel Penilai Utama. Antara proses yang terlibat adalah:
  - i. Proses penilaian dan pengesahan dokumen.
  - ii. Lawatan penilaian oleh Panel Penilai Utama ke lokasi PTJ (Jika terdapat keperluan).
  - iii. Pembentangan ringkas oleh wakil PTJ/individu berkaitan projek inovasi yang dicalonkan kepada para Panel Penilai Utama mengikut kepada kriteria yang telah ditetapkan.
- 3) Proses **pemurnian dan perakuan** pemenang oleh JK Kecil Panel Penilai dan kelulusan oleh JK Induk Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran.

# PANDUAN PERMOHONAN

1. Lengkapkan **Borang Permohonan Penyertaan Anugerah Inovasi Perkhidmatan UPM.** (borang perlulah bertaip)
2. Maklumat ringkas PTJ/kumpulan inovasi atau pihak yang memperkenalkan inovasi;
3. Penerangan mengenai inovasi yang diperkenalkan, objektif, tempoh pelaksanaan sama ada secara penuh atau percubaan, dan lokasinya;
4. Penerangan ringkas mengenai kedudukan sebelum inovasi dilaksanakan;

**BORANG PERMOHONAN PENYERTAAN ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN UPM**

**SENARAI SEMAK (sila (✓) di ruangan yang disediakan)**

1. Membaca dan memahami semua maklumat berkaitan penyertaan di Para A.	<input type="checkbox"/>
2. Borang permohonan dilengkapkan (Para B, C dan D).	<input type="checkbox"/>
3. Mendapat pengesahan Ketua PTJ (Para E).	<input type="checkbox"/>
5. Melampirkan satu (1) salinan laporan dalam bentuk salinan cetak ( <i>hard copy</i> ) dan salinan lembut ( <i>soft copy</i> ).	<input type="checkbox"/>

**A. MAKLUMAT BERKAITAN PENYERTAAN**

1. Inovasi merupakan hasil idea asli individu/kumpulan pegawai PTJ.
2. Penyertaan adalah melalui pencalonan Ketua PTJ.
3. Inovasi yang dihasilkan hendaklah memberi faedah yang jelas dari segi penyelesaian masalah, peningkatan kualiti dan produktiviti sebuah organisasi.
4. Setiap PTJ boleh mencalonkan sekurang-kurangnya satu (1) permohonan dan maksimum tiga (3) permohonan.
5. Inovasi-inovasi yang tidak layak untuk menyertai Anugerah Inovasi Perkhidmatan:
  - a. Inovasi daripada hasil penyelidikan dan pembangunan atau R&D yang tiada kaitan dengan peningkatan kualiti dan produktiviti organisasi;
  - b. Inovasi untuk tujuan komersial;
  - c. Inovasi yang belum digunakan/diaplikasi pada tahun dinilai; dan
  - d. Inovasi yang sudah tidak digunakan/diaplikasi pada tahun dinilai.
6. Penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup penyertaan tidak akan dipertimbangkan.
7. Gambar berkaitan projek inovasi perlu dikemukakan minimum empat (4) keping gambar dan maksimum sepuluh (10) keping gambar. Daripada jumlah ini, sekurang-kurangnya satu (1) keping gambar adalah sebelum inovasi dilaksanakan dan satu (1) keping gambar selepas inovasi dilaksanakan.
8. Borang permohonan ini perlulah bertaip. Permohonan yang menggunakan tulisan tangan tidak akan dipertimbangkan.
9. Satu (1) salinan laporan dalam bentuk salinan cetak (*hard copy*) dan salinan lembut (*soft copy*) hendaklah diantar bagi setiap projek inovasi. Format penulisan laporan inovasi adalah seperti berikut:
  - a. Jenis Font – Arial
  - b. Saiz Font – 12
  - c. Tidak melebihi daripada 20 muka surat

1



# PANDUAN PERMOHONAN

5. Masalah yang dihadapi sebelum inovasi dilaksanakan;
6. Faedah pelaksanaan inovasi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan mengikut kriteria penilaian yang ditetapkan (penerangan perlu disokong dengan data dan bukti yang nyata);
7. Empat (4) hingga sepuluh (10) keping gambar inovasi berserta tajuk. Sekurang-kurangnya satu (1) keping gambar sebelum inovasi dan satu (1) keping gambar selepas inovasi dilaksanakan; dan
8. Satu (1) Salinan laporan dalam bentuk salinan cetak (*hard copy*) dan salinan lembut (*soft copy*) hendaklah dihantar bagi setiap projek inovasi.

# PANDUAN PEMBENTANGAN

1. Masa pembentangan adalah **15 minit** dan **10 minit** untuk sesi soal jawab oleh juri.
2. Kaedah pembentangan adalah **mengikut kreativiti individu/pasukan** sama ada menggunakan *power point* atau sebarang bentuk persembahan lain yang difikirkan boleh membantu penyampaian yang lebih jelas dan berkesan.
3. Bahasa yang dibenarkan adalah **Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris**.
4. Bilangan pembentang terhad kepada peserta yang berdaftar seperti pada Borang Permohonan sahaja.
5. Kriteria yang diambil kira adalah kreativiti, keberkesan, signifikan, relevan dan persembahan pembentangan sesuatu inovasi yang telah diketengahkan.
6. Individu/pasukan hendaklah **sampai tepat pada waktu yang ditetapkan**.

# PEMBAHAGIAN MARKAH

Tumpuan Penilaian	Kriteria	Skema Markah	Wajaran (%)
Kreativiti Markah Penuh : 15	Inovasi yang dihasilkan adalah kreatif dari aspek keunikan dan pendekatan di luar kotak dilihat dari segi usaha atau idea yang asli, tersendiri, diadaptasi atau yang melangkaui norma biasa	5	25
	Inovasi yang dihasilkan adalah kreatif dilihat dari aspek penghasilan inovasi yang menepati kehendak/senario semasa dan menawarkan penyelesaian kreatif yang melangkaui ekspektasi stakeholders/pelanggan	5	
	Inovasi yang dihasilkan mempunyai elemen ‘mempermudahkan’ dari segi kemampuanya menambahbaik keadaan semasa, mengurangkan kekangan dan jurang atau meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan	5	
<b>MARKAH KREATIVITI</b>		<b>15</b>	<b>25%</b>
Keberkesanan Markah Penuh : 25	Inovasi yang terhasil mendatangkan faedah yang nyata dilihat dari aspek capaian hasil yang segera, ketara, jelas dan diterima umum	5	25
	Inovasi yang terhasil meningkatkan tahap kepuasan sasar/stakeholders dilihat dari aspek penerimaan atau peningkatkan tahap penggunaan sesuatu inovasi	5	
	Inovasi ini menghasilkan nilai baharu (value creation) dilihat dari aspek penciptaan nilai awam (public value) yang boleh memajukan sesuatu organisasi atau pelanggan	5	
	Kelestarian inovasi (sustainability) dilihat dari aspek keupayaannya bertahan dan memberi faedah secara berterusan untuk jangka masa panjang	5	
	Inovasi yang terhasil disempurnakan dalam garis masa yang lebih singkat dan mencabar norma kebiasaan serta tidak berkompromi dalam aspek kualiti	5	
<b>MARKAH KEBERKESANAN</b>		<b>25</b>	<b>25%</b>

# PEMBAHAGIAN MARKAH

Tumpuan Penilaian	Kriteria	Skema Markah	Wajaran (%)
<b>Signifikan</b> Markah Penuh : 15	Inovasi yang dihasilkan adalah signifikan diukur dari aspek sejauh mana keberhasilan (outcome) inovasi memenuhi objektif yang ditetapkan	5	20
	Mempunyai unsur penjimatan kos/sumber yang ketara/value for money dilihat dari segi pembiayaan/penggunaan sumber yang optimum serta menghasilkan pulangan yang maksimum bagi kumpulan sasar/ stakeholders	5	
	Penghasilan inovasi mempunyai kepentingan yang nyata diukur dari segi kemampuannya untuk menawarkan alternatif penyelesaian kepada isu semasa	5	
<b>MARKAH SIGNIFIKAN</b>			15
<b>Relevan</b> Markah Penuh : 15	Inovasi ini relevan dengan arus perdana dan memenuhi kehendak UPM dan dilihat dari aspek sejauh mana ia menyokong kepada kehendak organisasi	5	20
	Inisiatif yang dihasilkan mengambil kira persekitaran semasa dilihat dari aspek keupayaan memenuhi ekspektasi, kehendak atau keadaan semasa	5	
	Inisiatif inovasi ini menyokong konsep pentadbiran awam yang seamless dilihat dari aspek tahap jaringan kerjasama dan perkongsian strategik dengan pelbagai pihak	5	
<b>MARKAH RELEVAN</b>			15
<b>Pembentangan</b> Markah Penuh : 15	Persembahan yang kemas, turutan yang logikal dan menepati masa yang telah diperuntukkan	5	10
	Persembahan yang jelas, penggunaan alat pandang dengar yang berkesan dan pengucapan awam	5	
	Dapat menjawab dengan jelas persoalan Juri	5	
<b>MARKAH PEMBENTANGAN</b>			15
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			85
100			

# NILAI HADIAH

## TEKNIKAL

**Pemenang Pertama**

RM1,000.00 + Sijil

**Pemenang Kedua**

RM750.00 + Sijil

**Pemenang Ketiga**

RM500.00 + Sijil



## PENGURUSAN

**Pemenang Pertama**


RM1,000.00 + Sijil

**Pemenang Kedua**

RM750.00 + Sijil

**Pemenang Ketiga**

RM500.00 + Sijil



**Piala Pusingan**

# TARIKH PENTING

JULAI 2023

**Taklimat**  
26 Julai  
2023

JUL 2023 –  
MEI 2024

**Penghantaran  
Penyertaan**  
26 Julai 2023 – 31  
Mei 2024

JULAI 2024

**Pembentangan**  
1 & 2 Julai 2024

NOV/DIS 2024

**PENGUMUMAN  
KEPUTUSAN**

**HKIP**

## TINDAKAN

1. Rujuk Garis Panduan Permohonan Menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi Perkhidmatan UPM
2. Lengkapkan Borang Permohonan Penyertaan Anugerah Inovasi Perkhidmatan UPM
3. Hantar borang bersama satu salinan laporan

# SOROTAN HKIP 2022

TE  
K  
N  
I  
K  
A  
L

Bil	Nama PTJ (Nama Kumpulan)	Tajuk Inovasi
1.	<b>Fakulti Kejuruteraan</b> (Retro-SavE)	Retro-SavE (Aircond Energy Saver)
2.	<b>Pusat Antarabangsa Putra</b> (Putra Advance)	Innogreen
3.	<b>Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia</b> (Extraordinary )	SMART CALCULATION
4.	<b>Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia</b> (MORUPM)	Medical PPE Smart
5.	<b>Kolej Sepuluh</b> (K10 GREEN)	SMATC (Smart Mobile Apps Tenth College)

# SOROTAN HKIP 2022



Bil	Nama PTJ (Nama Kumpulan)	Tajuk Inovasi
1.	<b>Pejabat Pendaftar dan Pusat Pembangunan Maklumat &amp; Komunikasi (#PELANTIKAN@UPM)</b>	Transformasi Pengurusan Pelantikan Pekerja Baharu Melalui Sistem HRPortal
2.	<b>Pejabat Pendaftar, Pusat Pembangunan Maklumat &amp; Komunikasi dan Bahagian Kaunseling (PutraMentor)</b>	Pendigitalan Pelaporan Pementoran Universiti Putra Malaysia (UPM)
3.	<b>Pejabat Bursar (Bursar@Vo\$\$)</b>	PutraWork@e-Undi
4.	<b>Sekolah Pengajian Siswazah (Gema-Techno@SGS)</b>	PUTRA-iREAD
5.	<b>Pejabat Pendaftar dan Pusat Pembangunan Maklumat &amp; Komunikasi (HR Advance)</b>	Transformasi Sumber Manusia - Pembudayaan Pendigitalan Perkhidmatan Sumber Manusia (Permohonan dan Pengurusan Elaun Dalam Perkhidmatan)
6.	<b>Fakulti Kejuruteraan (KKA Intelligence)</b>	KKA Chemical Inventory System (KCIS)
7.	<b>Pusat Perhubungan Alumni (ARCUPM AIS)</b>	Alumni Information System (AIS)
8.	<b>Pusat Antarabangsa Putra (PutraInnovate)</b>	e-Tracking
9.	<b>Pusat Jaminan Kualiti (Putra AQ)</b>	Sistem Putra AQAS
10.	<b>Bahagian Kaunseling (I.D.E.A)</b>	I-COUNSELING MANAGEMNET SYSTEM



# SOROTAN HKIP 2022

Bil	Nama PTJ (Nama Kumpulan)	Tajuk Inovasi
11.	<b>Pusat Pengurusan Penyelidikan</b> (RMC dat.visus)	RMC dat.visus: Dashboard Pengurusan Geran & Carian Maklumat Projek
12.	<b>Bahagian Audit Dalam</b> (i-AD3)	Asset Locator (A-Locator)
13.	<b>Bahagian Audit Dalam</b> (The Exchange)	F.M.D. (Financial Monitoring Dashboard)
14.	<b>Bahagian Audit Dalam</b> (THE ARQ)	Audit Response
15.	<b>Bahagian Kaunseling</b> (INSIGHT)	PUTRA WELLNESSTRACKER
16.	<b>Sekolah Perniagaan dan Ekonomi</b> (SPE UPM IT INNOVATION TEAM)	Aplikasi Teknologi dalam Mencapai Akreditasi Antarabangsa di SPE
17.	<b>Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar</b> (PPJ Force)	3K aduan@FHAS
18.	<b>Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS</b> (RATNA KA SATU)	easy@code
19.	<b>Pusat Antarabangsa Putra</b> (iThinkPUTRA)	Food Expiration Tracking
20.	<b>Hospital Pengajar UPM</b> (MRU)	Folder Tracking/ Sistem Pengesahan Fail Pesakit



# SOROTAN HKIP 2022

## Tajuk Inovasi: Retro-SavE (Aircond Energy Saver)

PERTAMA  
(Teknikal)



Kumpulan Retrosave,  
Fakulti Kejuruteraan



# SOROTAN HKIP 2022

KEDUA  
(Teknikal)



Kumpulan K10 Green  
Kolej Sepuluh (10)

## Tajuk Inovasi: K10 Smart Farming



# SOROTAN HKIP 2022

KETIGA  
(Teknikal)



**Kumpulan MORUPM  
Hospital Sultan Abdul Aziz  
Shah (HSAAS)**

## Tajuk Inovasi: **MORUPM Medical PPE Smart Box**



# SOROTAN HKIP 2022

**PERTAMA**  
(Pengurusan)

## Tajuk Inovasi : RMC dat.visus : Dashboard Pengurusan Geran & Carian Maklumat Projek

A woman in a hijab stands next to a large white banner. The banner features the UPM logo, the text "RESEARCH AND INNOVATION AT THE FOREFRONT OF INNOVATION", and the tagline "AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE BERILMU BERBAIK". Below the banner are social media icons for heart, question mark, and location, along with a bookmark icon.

**Kumpulan : RMC dat.visus**  
**Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)**

Welcome to RMC dat.visus

Please select PTJ to proceed

FAKULTI PERTANIAN

Only registered user listed below has access to the dashboard

Registered user:

- nazrin\_nasir@upm.edu.my
- agri\_sp@upm.edu.my
- natrul@upm.edu.my

Link to Dashboard

Please click link

<https://docs.google.com/spreadsheets/d/1O2jAcpP05jIE8P8Q0m80Axz-jh8SpnEpQ0oCIORp8/edit?usp=sharing>



@uputramalaysia

uniputramalaysia

Putra TV

uniputramalaysia

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAIK  
WITH KNOWLEDGE WE SERVE I




# SOROTAN HKIP 2022

KEDUA  
(Pengurusan)



## Tajuk Inovasi: Transformasi Sumber Manusia – Pembudayaan Pendigitalan Perkhidmatan Sumber Manusia (Permohonan dan Pengurusan Elaun Dalam Perkhidmatan)



Kumpulan HR Advance  
Pejabat Pendaftar & iDEC

ia @uputramalaysia uniputramalaysia Putra TV uniputramalaysia

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKI  
WITH KNOWLEDGE WE SERVE I

# SOROTAN HKIP 2022

## Tajuk Inovasi: KKA Chemical Inventory System (KCIS)



**KETIGA (Pengurusan)**

The KCIS mobile application interface displays chemical inventories and various reports. One screen shows a list of chemicals with columns for Reg num (tepek), Tarikh Luput, Chemical Name, and Location. Another screen shows a bar chart for Makmal (Laboratory) with categories like J1-Power, J2-Power, and J3-Power.

Two large blue and yellow ZOYET chemical storage cabinets are shown. The blue cabinet has a red warning label: "ZOYET DANGER CORROSIVE". The yellow cabinet has a multi-language warning label: "ZOYET FLAMMABLE ACID ACIDO ACIDE KEEP FIRE AWAY INFLAMMABLE INFLAMABLE".

@uputramalaysia uniputramalaysia Putra TV uniputramalaysia

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN  
BERILMU BERBAIKI WITH KNOWLEDGE WE SERVE

32

## **Tarikh Tutup : 31 MEI 2024**

Sekretariat Anugerah Inovasi Perkhidmatan  
Pejabat Ketua Pentadbiran Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Aras 5, Bangunan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Universiti Putra Malaysia  
(u.p : Encik Mohd Rezuan M Aspar)

Tel : 03-9769 1242/1605



# Q & A





# Terima Kasih